

CovidSurg | 2020
Versi Malaysia

Menjalani pembedahan semasa pandemik COVID-19



NIHR Global Health Research Unit on
Global Surgery

MAKLUMAT GARISPANDUAN

Anda, atau orang tersayang, mungkin perlu menjalani pembedahan semasa pandemic COVID-19, mengakibatkan perasaan tertekan. Sudah pasti akan timbul pelbagai persoalan.

Risalah ini bertujuan membantu pesakit dan keluarga memahami risiko menjalani pembedahan semasa pandemik COVID-19. Keterangan akan diberi berkenaan tatacara penjagaan semasa pandemic, untuk memastikan keselamatan pesakit.

Ucapan terima kasih kepada Kumpulan Penasihat Pesakit yang telah membantu dalam penyediaan risalah ini.



*Untuk maklumat lanjut, sila layari...
<http://nihrglobalsurgery.org/surgeryduringcovid>*

Bagaimanakah keselamatan pesakit yang menjalani pembedahan dijamin?	4
Apakah akibatnya jika saya dijangkiti COVID-19 selepas pembedahan?	4
Perancangan pembedahan	5
Bagaimanakah staf akan memastikan keselamatan saya semasa dan selepas pembedahan?	6
Bagaimanakah saya boleh memastikan keselamatan saya semasa dan selepas pembedahan?	7
Apakah patut dipertimbangkan jika saya memerlukan pembedahan kecemasan?	8
Apakah patut dipertimbangkan jika saya dijangkiti COVID-19 tetapi memerlukan pembedahan?	8
Pembatalan dan penundaan rawatan	9
Istilah penting	10
Nota	11

ANDA PERLU TAHU

Bagaimanakah keselamatan pesakit yang menjalani pembedahan dijamin?

Perkhidmatan kesihatan di seluruh dunia sedang bertungkus lumus untuk melindungi pesakit yang memerlukan pembedahan semasa pandemic COVID-19, samada sebelum atau selepas pembedahan.

Pakar-pakar bedah dan penyelidik telah meneliti maklumat terkini berkaitan pengendalian pesakit yang memerlukan pembedahan semasa pandemik yang dijangkiti virus SARS-CoV-2, sebelum atau selepas pembedahan.

Kebanyakan pesakit yang menjalani pembedahan semasa pandemic TIDAK akan dijangkiti COVID-19 di sekitar masa pembedahan.

Apakah akibatnya jika saya dijangkiti COVID-19 selepas pembedahan?



Penyelidikan menunjukkan bahawa masalah pernafasan adalah lebih teruk bagi pesakit yang dijangkiti COVID-19 selepas pembedahan, berbanding yang tidak dijangkiti. Kadar kematian pesakit yang dijangkiti dan menjalani pembedahan juga lebih tinggi.

Pesakit yang mengidap penyakit lain juga berisiko tinggi jika dijangkiti COVID-19. Justeru, kita perlu bekerjasama untuk melindungi pesakit yang menjalani pembedahan.

Bagaimanakah saya dapat menjaga keselamatan saya?

Sekiranya anda, atau ahli keluarga anda sedang bersedia untuk menjalani pembedahan semasa pandemic COVID-19, pakar bedah dan pasukan hospital semestinya sudah mempertimbangkan risiko-risiko, dan akan berbincang dengan anda. Mereka akan memastikan rawatan anda dilaksanakan dengan selamat.

PERANCANGAN PEMBEDAHAN

Bilakah pembedahan saya akan dijalankan?

Pesakit akan dijadualkan untuk pembedahan sebaik sahaja ianya dapat dijalankan dengan selamat. Penjadualan akan bergantung kepada kesediaan sumber, termasuk katil hospital dan tahap penularan COVID-19 tempatan. Pembedahan anda mungkin dijadualkan pada waktu petang atau hujung minggu, sebagai langkah mengurangkan jangkamasa menunggu.



Mengutamakan keselamatan pesakit



Pembedahan petang atau hujung minggu



Pengurangan jangkamasa menunggu

Dimanakah pembedahan saya akan dijalankan?

Pembedahan akan dijalankan dalam persekitaran yang dirancang untuk memastikan keselamatan pesakit. Ini bererti pembedahan anda berkemungkinan dijalankan di hospital swasta yang ditetapkan sebagai fasiliti 'bebas COVID-19' hasil kerjasama dengan hospital kerajaan.



Pembedahan dirancang




Persekitaran dirancang dan selamat

Bagaimanakah harus saya bersedia untuk pembedahan?

Anda akan dibimbing oleh pasukan tempatan, dan mungkin akan diminta untuk:

- ▶ mengasingkan diri seketika sebelum pembedahan
- ▶ disaring untuk jangkitan SARS-CoV-2 sebelum pembedahan

Untuk mengurangkan komplikasi, pembedahan kebanyakan pesakit yang diuji positif untuk virus akan ditunda. Sila berbincang dengan pakar bedah anda sehubungan risiko-risiko terperinci berkaitan pembedahan anda, dan langkah-langkah persediaan lain.



Pengasingan diri sebelum pembedahan



Saringan SARS-CoV-2 sebelum pembedahan



Ujian positif untuk SARS-CoV-2



Penundaan pembedahan

MENJAGA KESELAMATAN SEMASA DAN SELEPAS PEMBEDAHAN

Bagaimanakah staf akan memastikan keselamatan saya semasa dan selepas pembedahan?

- Pasukan hospital menggunakan alat pelindung diri (PPE) untuk melindungi penjawat kesihatan dan pesakit.
- Sebilangan pembedahan perlu disesuaikan untuk mengurangkan tempoh pembedahan atau mengurangkan pendedahan penjawat kesihatan kepada aerosol atau titisan yang tercemar.
- Sebarang pengubahsuaian dalam rawatan biasa akibat COVID-19 akan dibincang bersama anda.
- Penjawat kesihatan akan merawat anda dalam persekitaran dimana pendedahan kepada COVID-19 dapat dielakkan.
- Bilangan pelawat ke hospital mungkin akan dikawal.



Kelengkapan
PPE penuh



Pengubahsuaian prosedur
untuk mengurangkan
pendedahan



Perbincangan
pengubahsuaian
rawatan

Sekiranya anda dijangkiti COVID-19 selepas pembedahan, pasukan hospital akan mengambilkira peningkatan risiko lanjutan pembedahan itu, dan memberi rawatan sokongan untuk membantu proses pemulihan dari pembedahan dan jangkitan.

Peringatan: kebanyakan pesakit yang menjalani pembedahan semasa pandemic TIDAK akan dijangkiti COVID-19 disekitar pembedahan mereka.

PERANCANGAN PEMBEDAHAN

Bagaimanakah saya boleh memastikan keselamatan saya semasa dan selepas pembedahan?

- ▶ Patuhi amalan kebersihan diri.
- ▶ Ikuti nasihat pasukan perubatan berkenaan penjarakan sosial dan perlindungan.
- ▶ Pakai pelindung muka.
- ▶ Rawatan di fasiliti 'bebas COVID-19' jika perlu.
- ▶ Hadkan bilangan pelawat semasa di hospital dan selepas pulang ke rumah.
- ▶ Penggunaan kemudahan klinik maya untuk mengelakkan lawatan susulan secara fizikal, jika sesuai.



Anda akan dilepaskan dari hospital setelah pasukan bedah memastikan ianya selamat. Mereka akan menasihati anda tentang hal-hal berkaitan pembedahan anda, dan langkah-langkah pemulihan, termasuk penjagaan luka, ubat tahan sakit dan senaman.

Sekiranya anda ada sebarang soalan, sila hubungi pasukan hospital anda.

Anda mungkin terasa sunyi semasa di hospital, dan ketika pemulihan di rumah. Sekiranya anda perlu mengasingkan diri, anda disyorkan supaya memberitahu keluarga, sahabat atau jiran, yang boleh membantu disegi pembelian barang keperluan dan tugas-tugas lain.

PEMBEDAHAN KECEMASAN

Apakah patut dipertimbangkan jika saya memerlukan pembedahan kecemasan?

Sebilangan pesakit perlu dibedah seurus selepas hadir ke hospital. Pandemik tidak sepatutnya dijadikan penghalang kepada pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan. **Sekiranya anda tidak sihat, jangan berlengah-lengah. Pasukan bedah sentiasa bersedia untuk merawat anda.**

Sebilangan pesakit mungkin terdedah kepada pesakit COVID-19 sebelum memasuki hospital. Pendedahan ini mungkin mengakibatkan gejala COVID-19 menjadi ketara disekitar pembedahan.



Batuk



Demam




Kesusahan bernafas



Penyelidikan menunjukkan bahawa pesakit COVID-19 yang menjalani pembedahan lebih berisiko kerana badan terpaksa mengatasi masalah akibat pembedahan dan jangkitan COVID-19 pada masa yang sama.

Apakah patut dipertimbangkan jika saya dijangkiti COVID-19 tetapi memerlukan pembedahan?

Pesakit yang dijangkiti virus SARS-CoV-2 disekitar pembedahan berisiko lebih tinggi untuk mengalami gejala COVID-19 yang teruk. 50% pesakit ini akan mengalami kesusahan bernafas, dan kadar kematian setinggi 25%.



Oleh kerana risiko yang amat tinggi, penjagaan tambahan diperlukan untuk melindungi pesakit yang menjalani pembedahan, sementara meyokong pesakit yang dijangkit virus SARS-CoV-2

PEMBATALAN DAN PENUNDAAN RAWATAN

Mengapakah pembedahan saya dibatalkan?

Pembedahan mungkin dibatalkan untuk:

- mengurangkan risiko jangkitan dan komplikasi COVID-19 di hospital.
- membolehkan penjawat kesihatan yang biasanya memberi perkhidmatan pembedahan diagihkan ke perkhidmatan kritikal lain.
- menyalurkan penggunaan PPE, alat pembantu pernafasan (ventilator) dan katil rawatan kritikal kepada rawatan kecemasan pesakit COVID-19.

Adakah senarai menunggu pembedahan terjejas?



Secara global, **28 juta pembedahan** telah ditunda akibat pandemik COVID-19.



Di Malaysia, kami jangka sebanyak **150,000** pembedahan akan ditunda akibat ini.

Anggaran in adalah berdasarkan penyelidikan global yang meneliti kadar pembatalan pembedahan dalam 12 minggu pertama COVID-19.

Mengapakah pembedahan dapat dijalankan dengan selamat ketika ini?

Penyusunan semula secara besar telah dibuat untuk memaksimumkan pembedahan yang dijalankan semasa tempoh pemulihan pandemik. Pesakit akan diutamakan untuk dirawat dengan selamat secepat mungkin.



ISTILAH PENTING

COVID-19 AND SARS-CoV-2

COVID-19 ialah nama penyakit dibelakang pandemik ini. Ia disebabkan virus SARS-CoV-2 ('severe acute respiratory syndrome coronavirus 2'). Penularan adalah melalui titisan dari hidung atau mulut orang yang dijangkiti. Kebanyakan pesakit COVID-19 mengalami gejala ringan atau sederhana, yang tidak memerlukan rawatan di hospital. Segelintir pesakit akan mengalami gejala teruk, dan memerlukan kemasukan hospital serta bantuan pernafasan dan sokongan fungsi organ lain.

RAWATAN COVID-19

Ketika ini, tiada rawatan terperinci untuk virus ini. Rawatan sokongan adalah strategi utama. Oleh itu, pencegahan amatlah penting, terutama sekali untuk golongan berisiko tinggi.

FASILITI BEBAS-COVID-19

Ini adalah hospital atau sebahagian persekitaran hospital (termasuk wad, dewan bedah dan rawatan kritikal) yang diperuntukkan untuk rawatan pesakit yang tidak mengidapi COVID-19. Pembedahan dalam persekitaran sebegini terbukti mengurangkan risiko penularan semasa di hospital.

PENGASINGAN DIRI

Sekiranya rawatan anda berisiko tinggi untuk terjejas jika dijangkiti coronavirus, misalnya jika anda dijadualkan untuk pembedahan, anda akan diminta mengasingkan diri sebelum kemasukan hospital. Ini bererti anda diminta tinggal di rumah, dan tidak keluar untuk sebarang sebab. Makanan dan ubat perlu dihantar ke rumah. Pengasingan diri juga diperlukan sekiranya anda, atau ahli serumah, mengalami gejala COVID-19.

PENJARAKAN SOSIAL

Ini ialah strategi semasa pandemik untuk mengurangkan sentuhan fizikal antara orang yang dijangkiti dengan orang yang berisiko tinggi jika dijangkiti.

Persoalan untuk ditujukan kepada pasukan bedah...

[illegible]

Untuk maklumat lanjut, sila layari ...
<http://nihrglobalsurgery.org/surgeryduringcovid>

